

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL KEMAS 4U SEMARAK DESA**

**LAMAN KERAYONG, BERA,
PAHANG**

**14 OKTOBER 2016, JUMAAT
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapatlah kita bersama-sama berkumpul pada hari ini bersempena Majlis Perasmian Karnival KEMAS 4U Semarak Desa di Bera, Pahang tahun 2016 ini.

2. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan juga kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) kerana telah berjaya menganjurkan karnival pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua hadirin yang hadir terutamanya kepada masyarakat di Parlimen Bera. Sesungguhnya kehadiran tuan puan ini menunjukkan tuan puan bersedia dan berkomitmen untuk bersama-sama saya dan KEMAS dalam merencana program untuk kepentingan masyarakat luar bandar ke arah pembangunan fizikal modal insan yang lebih berkualiti.

Sejarah Penubuhan KEMAS

3. Berbicara soal pembangunan luar bandar dan pembangunan modal insan memang tidak dapat dinafikan KEMAS telah memberi sumbangan yang besar dan dekat di hati masyarakat. Bermula daripada janin lagi hinggalah ke liang lahat KEMAS telah memainkan peranannya melalui program-program yang dianjurkan memberi bimbingan kepada masyarakat. Kehadiran KEMAS di segenap pelusuk negara dengan segala usaha yang telah dilaksanakan sepanjang 5 Dekad ini sesungguhnya telah mewujudkan banyak transformasi dalam kehidupan rakyat.

4. Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussien, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, telah mengusulkan penubuhan Bahagian Pelajaran Dewasa bermula pada tahun 1961. Bermula dari detik itulah usaha membantu masyarakat khususnya penduduk luar bandar terus digembleng melibatkan pelbagai aspek antaranya pendidikan, kemahiran vokasional, ekonomi dan kerohanian. Usaha untuk mengeluarkan masyarakat dari masalah buta huruf yang menjadi penghalang kepada usaha pembangunan negara selepas pasca kemerdekaan telah berjaya ditangani oleh KEMAS melalui kelas dewasa.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian, Pendidikan Kemahiran KEMAS

5. Karnival KEMAS 4U ini telah dirangka selaras dengan strategi dan inisiatif dalam RMK ke 11 iaitu untuk membawa perkhidmatan sosial (program kerajaan)

terus kepada masyarakat di peringkat akar umbi (merakyatkan KKLW kepada komuniti) selain memberi penekanan kepada penyampaian dasar kerajaan, meningkatkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat menerusi intergrasi pelbagai pihak samada Agensi di bawah Kementerian ataupun bersama sektor swasta, NGO pemimpin dan institusi masyarakat setempat.

6. Menerusi program ini tentunya tumpuan akan diberi kepada penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan di peringkat akar umbi dan peningkatan keupayaan modal insan, pengukuhan aktiviti ekonomi dan penambahbaikan sistem penyampaian. Pendekatan sebegini pastinya akan memanfaatkan potensi besar di luar bandar yang belum diteroka dengan menggembelng pelbagai pemacu pertumbuhan seperti keusahawanan, inovasi, teknologi dan penyertaan sektor pelbagai pihak selaras dengan transformasi KKLW itu sendiri iaitu Membandarkan Luar Bandar.

7. Bidang teknik, vokasional dan kemahiran kini menjadi tumpuan Kerajaan bagi melahirkan lebih ramai golongan teknokrat dan berkemahiran sebagai asas pembentukan negara maju pada tahun 2020 ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

8. Kementerian turut menyedari hakikat betapa pentingnya **modal insan mahir** dalam menyediakan pembentukan negara bangsa dan pertumbuhan ekonomi mapan selaras dengan matlamat transformasi Malaysia ke aras negara berpendapatan tinggi. Latihan kemahiran negara perlu dipertingkatkan sekiranya Malaysia berhasrat melahirkan modal insan yang mampu berkembang maju dan bersaing di peringkat global.

9. Bidang kemahiran yang disediakan oleh KEMAS di peringkat akar umbi seperti jahitan dan sulaman, masakan, kraftangan, dandan diri dan kelas Pendidikan Kesejahteraan Keluarga jika dikendalikan dengan bijaksana mampu memberikan pulangan yang baik kepada masyarakat. Selain dari meningkatkan pengetahuan kepada belia-belua dan suri rumah dalam kehidupan seharian ia juga boleh dijadikan modal kepakaran untuk menambah sumber pendapatan keluarga.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Transformasi Pendidikan Kemahiran KEMAS

Strategi 1 : Kursus Kemahiran Jangka Pendek “Quick Win”

10. Pada program kali ini, telah diadakan **Kursus Kemahiran berasaskan ‘Quick Win’** iaitu kursus jangka pendek yang dapat memberi kesan segera kepada

pelatih memulakan perniagaan bagi menjana pendapatan. Melalui strategi ini, KEMAS melaksanakan kursus kemahiran asas yang boleh memberi peluang perniagaan dan pekerjaan terus kepada pelatih KEMAS setelah tamat mengikuti latihan.

11. Enam (6) bidang kemahiran yang diberi tumpuan adalah **Jahitan, Masakan, Dandan Diri, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, Seni Tangan dan Literasi Komputer**. Kursus kemahiran ini dilaksanakan dalam tempoh yang singkat iaitu satu (1) hingga tiga (3) hari dengan memfokuskan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada belia, beliawanis, ibu tunggal dan suri rumah di kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

12. Bagi pelaksanaan di Bera, penekanan kursus diberikan kepada bidang **Juru Gaya Rambut Lelaki (termasuk dalam dandan diri) dan Anyaman Rotan**. Kerajaan akan memberikan kit permulaan perniagaan kepada pelatih untuk meneruskan kemahiran tersebut dalam bidang keusahawanan. Strategi ini selaras dengan Tunjang Kelima Transformasi KKLW iaitu '**Mempelbagaikan Bidang Keusahawanan dan Mewujudkan Peluang Pekerjaan**'.

Strategi 2 : Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Sebagai Technical and Vocational Education and Training (TVET)

13. Selain itu, ke arah transformasi ini, KEMAS telah meningkatkan taraf sijil kemahiran yang dikeluarkan kepada pelatih kepada satu peringkat yang lebih tinggi. Terdapat dua bidang utama kemahiran KEMAS bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

14. Dua bidang tersebut adalah bidang jahitan dan masakan yang dilaksanakan secara sepenuh masa di dua buah Pusat Bertauliah (Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar dan Gopeng). Sijil-sijil SKM yang ditawarkan kepada pelatih bermula daripada Tahap 1 hingga Tahap 4 dan seterusnya Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).

15. Modul pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai di Pusat-pusat Bertauliah KEMAS adalah menepati piawai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Selain itu juga, sijil-sijil penyertaan Kursus Kemahiran KEMAS juga diiktiraf bagi mendapatkan SKM berdasarkan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Strategi ini menepati Tunjang Kesebelas Transformasi KKLW "Memperluas TVET bagi Melahirkan Tenaga Kerja Berpendapatan Tinggi".

Strategi 3 : Kemahiran Berasaskan Keusahawanan Atas Talian

16. Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan teknologi yang sesuai mengikut peredaran zaman di mana pelatih mampu meraih peluang perniagaan melalui perkembangan teknologi.

Strategi 4 : Tenaga Pengajar Yang Diiktiraf

17. Strategi ini menjelaskan transformasi Pendidikan Kemahiran KEMAS yang melibatkan Tenaga Pengajar Kemahiran KEMAS yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

18. Semua Tenaga Pengajar Kemahiran KEMAS diiktiraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Selain itu, ia akan memberikan peluang kepada tenaga pengajar KEMAS yang sedia ada untuk mempertingkatkan profesionalisme.

Penutup

19. Adalah menjadi harapan saya supaya setiap program ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin serta jayanya dan berkesinambungan dimasa akan datang. Sesungguhnya program yang dianjurkan pada hari ini mencerminkan sinergi atau kesepakatan di peringkat Persekutuan dan Negeri dalam menghayati **semangat kerjasama** bagi memberikan **perkhidmatan terbaik kepada rakyat**.

20. Akhir sekali, di kesempatan yang diberikan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha keras menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan Karnival KEMAS 4U Semarak Desa Parlimen Bera, tahun 2016.

21. Dengan lafaz Bismillahi Rohmannir Rohim, saya dengan ini saya melancarkan Transformasi Pendidikan Kemahiran KEMAS.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrohmatullahi Wabarakatuh.